

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]
TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan dan peratusan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam kalangan pencarum aktif berusia 45 tahun ke atas (kurang 15 tahun sebelum bersara) yang mempunyai jumlah tabungan kurang daripada RM50,000 pada 30 September 2021 berbanding pada 31 Disember 2019.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Aktif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, atau KWSP adalah merujuk kepada ahli yang mencarum sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh 12 bulan yang terkini.

2. Berdasarkan takrifan ini, setakat 30 September 2021, bilangan Ahli Aktif KWSP yang berumur di antara 45 hingga 59 tahun mencatatkan penambahan seramai 55 ribu ahli kepada 1.62 juta, iaitu peningkatan sebanyak 3.5 peratus semenjak 31 Disember 2019 yang merekodkan 1.56 juta Ahli Aktif KWSP.

3. Daripada 1.62 juta Ahli Aktif KWSP ini, didapati 479 ribu atau 29.6 peratus mempunyai simpanan yang tidak melebihi 50 ribu ringgit. Ini merupakan perbezaan yang minimal berbanding 484 ribu atau 31.0 peratus pada akhir tahun 2019.

Tan Sri Yang di-Pertua,

4. Perlu ditekankan bahawa walaupun 70 peratus Ahli Aktif KWSP yang berumur di antara 45 hingga 59 tahun mempunyai jumlah simpanan yang melebihi 50 ribu ringgit, tahap ini bukanlah yang selesa bagi tujuan persaraan.

5. Secara amnya, amaun 50 ribu ringgit hanya cukup untuk memberi pendapatan persaraan sekitar 200 ringgit sebulan bagi 20 tahun, atau 1,000 ringgit sebulan untuk lebih kurang 4 tahun. Memandangkan golongan umur ini hanya memiliki tempoh kurang 15 tahun daripada umur persaraan, mereka berhadapan cabaran untuk membina simpanan persaraan yang mencukupi.

Tan Sri Yang di-Pertua,

6. Cabaran ini juga tidak terkecuali bagi ahli-ahli KWSP di dalam lingkungan umur yang lain. Ini terutamanya berikutan pengeluaran berjumlah 101 bilion ringgit susulan inisiatif i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra, di mana seramai 6.1 juta ahli kini mempunyai kurang daripada 10 ribu ringgit di dalam akaun mereka. Daripada jumlah tersebut, seramai 3.6 juta mempunyai kurang daripada 1,000 ringgit.

7. Kejatuhan dalam jumlah simpanan ini ternyata lebih merisaukan untuk ahli Bumiputera, memandangkan seramai 78 peratus, atau lebih tiga perempat telah memohon untuk fasiliti pengeluaran tersebut. Akibatnya, seramai 4.4 juta, atau 54 peratus ahli Bumiputera kini mempunyai kurang daripada 10 ribu ringgit, dan 2.0 juta, atau 25 peratus, mempunyai kurang daripada 1,000 ringgit.

8. Tambahan lagi, pengagihan simpanan telah menjadi semakin tidak saksama. Kumpulan 40 peratus terbawah ahli KWSP yang merangkumi lebih kurang 5.0 juta ahli telah menyaksikan simpanan mereka jatuh sebanyak 38 peratus kepada hanya 8 bilion ringgit, menjadikan baki simpanan median sebanyak 1,005 ringgit.

9. Kumpulan 40 peratus pertengahan juga mengalami kejatuhan sebanyak 18 peratus kepada 155 bilion ringgit, atau baki median sebanyak 24,995 ringgit.

10. Hanya kumpulan 20 peratus teratas yang berumur di bawah 55 tahun menyaksikan kenaikan dalam simpanan, namun ini mencapai median berjumlah 152,043 ringgit, atau bersamaan dengan hanya 633 ringgit sebulan untuk 20 tahun.

11. Secara keseluruhan, walaupun ketiga-tiga inisiatif pengeluaran tersebut telah memberikan sedikit kelegaan kewangan kepada ahli sepanjang tempoh pandemik COVID-19, ini secara tidak langsung telah menjadikan mereka lebih rentan dan tanpa perlindungan persaraan. Sebagai contoh, 73 peratus, atau hampir tiga perempat ahli kini berada

dalam situasi serius di mana jumlah dana mereka tidak cukup untuk bersara melebihi paras kemiskinan.

12. KWSP telah menganggarkan bahawa ahli perlu bekerja antara 4 hingga 6 tahun secara tambahan untuk membina semula simpanan yang telah dikeluarkan semasa pandemik. Ini juga telah mengakibatkan kejatuhan yang ketara dalam peratusan ahli yang mencapai Simpanan Asas iaitu 240 ribu ringgit pada umur 55 tahun, daripada 36 peratus pada tahun 2020, kepada lebih kurang 27 peratus hujung tahun ini.

Tan Sri Yang di-Pertua,

13. Kerajaan, bersama pihak KWSP sedang berusaha dalam membantu ahli membina semula simpanan mereka demi masa depan persaraan mereka.

14. Pendirian Kerajaan kekal dalam memperkukuhkan agenda perlindungan sosial untuk Keluarga Malaysia. Usaha ini termasuklah melalui kesinambungan insentif i-Saraan dan Kasih Suri Keluarga Malaysia seperti yang diumumkan di dalam Bajet 2020.

15. Tambahan lagi, dalam memperkasa agenda perlindungan sosial, Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, kini sedang mengkaji pembaharuan asas kepada sistem perlindungan sosial negara.

16. Usaha-usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu ke arah menangani sebarang kepincangan sistem perlindungan sosial negara untuk masyarakat rentan, bagi memastikan mereka diberi akses kepada mencapai taraf hidup minimum biarpun dalam persekitaran yang tidak dijangka.

Sekian, terima kasih.